

Wakil UMP datang jemput di rumah

Harian Metro (fimur) 3/9/19 (Isnin) m/s 65

Kuantan: "Kalau tidak kami hendak naik teksi dengan tambang RM500 dari Bagan Datuk (Perak) ke **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, tetapi ia agak membebakan kerana pendapatan saya sebagai buruh tidak menentu," kata R Subramaniam, 51,

Bagaimanapun, dia bernasib baik kerana ada wakil UMP datang menjemputnya, sekali gus meringankan bebannya bagi melancarkan proses pendaftaran anaknya, S Pavithraan, 19.

Subramaniam berkata, mereka sekeluarga dijemput wakil UMP di kediaman mereka di Bagan Datuk menggunakan sebuah van dan ditempatkan di rumah tamu di UMP Kampus Gambang.

"Bukan saja pengangkutan disediakan tetapi tempat tinggal dan makanan pun ada, terima kasih kepada UMP kerana mengurangkan beban kami dalam menghantar anak saya ke UMP bagi pendaftaran.



PAVITHRAAN bersama ibu bapanya gembira selepas menerima Anugerah Kecemerlangan MyGift UMP pada sesi Akademik 2018-2019 di Kompleks Sukan UMP, Gambang.

"Kami tidak mahu melepaskan peluang untuk menghantar anak ke universiti kerana ia adalah satu kenangan yang indah," katanya.

Pavithraan yang diterima untuk mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia pula berkata, dia terharu dengan keprihatinan UMP yang turut menyumbangkan insentif

RM1,000 kepadanya di atas kecemerlangannya.

"Sudah pasti bantuan ini dapat meringankan beban keluarga dan memberi semangat kepada saya untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mengubah nasib keluarga supaya menjadi lebih baik," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal

“

MyGift ini adalah hasil sumbangan syarikat korporat dan orang ramai, semuanya dikembalikan kepada pelajar kurang berkemampuan”

Dr Yuserrie Zainuddin

Pelajar dan Alumni) UMP Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, bantuan untuk menguruskan kemasukan ke universiti termasuk pengangkutan kepada keluarga pelajar kurang berkemampuan adalah selaras dengan inisiatif MyGift UMP.

"MyGift ini adalah hasil sumbangan syarikat korporat dan orang ramai, semuanya (sumbangan) kita kembalikan kepada pelajar kurang berkemampuan dalam usaha menyuburkan serta memperkasakan institusi pendidikan," katanya.